



# **PELAN STRATEGIK 2021-2025**

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING**





Hak Cipta Terpelihara  
© Pejabat Daerah dan Tanah Petaling

Tidak membenarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini dikeluarkan atau dipindahkan ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pejabat Daerah dan Tanah Petaling.

# KANDUNGAN

PERUTUSAN PEGAWAI DAERAH	04
RINGKASAN EKSEKUTIF	05
SEJARAH DAN PENGENALAN	
LATAR BELAKANG DAERAH PETALING	07
SEJARAH PENUBUHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING	08
CARTA ORGANISASI	09
SENARAI NAMA PEGAWAI DAERAH	10
FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH	11
FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAERAH	12
FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	13
FUNGSI DAN PERANAN UNIT PERUNDANGAN	14
FUNGSI DAN PERANAN UNIT INTEGRITI	15
PUNCA KUASA	16
PEMEGAH TARUH	17
PELANGGAN	18
RAKAN STRATEGIK	19
HALA TUJU STRATEGIK	
MISI, VISI DAN MOTO	21
NILAI BERSAMA	22
TERAS STRATEGIK	23
RINGKASAN TERAS STRATEGIK	24
PELAN TINDAKAN	25-34
PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	
ELEMEN PENENTU KEJAYAAN	36
MEKANISME PEMANTAUAN PELAKSANAAN DAN PENGUKURAN PRESTASI	37
PENILAIAN DAN SEMAKAN SEMULA	38
PENUTUP	39
CATATAN	40

# PERUTUSAN PEGAWAI DAERAH



Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas segala rahmat dan keiznannya, Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Petaling 2021-2025 telah berjaya dihasilkan. Pelan Strategik ini berbentuk komprehensi, progresif dan responsif yang merangkumi semua bidang tugas Pejabat Daerah dan Tanah Petaling bagi memenuhi keperluan dan kehendak pemegang taruh.

Pelan ini dibentuk dengan merangka semula hala tuju ke arah mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Ia juga merupakan satu mekanisme bagi mengoptimumkan keperluan organisasi selaras dengan perubahan masa dan perkembangan teknologi. Dengan adanya Pelan Strategik ini, ianya akan menjadi panduan untuk kita menggembelng usaha bagi mencapai tiga (3) teras strategik melalui pelan tindakan yang telah ditetapkan untuk tempoh lima (5) tahun yang mendatang.

Saya percaya dengan adanya Pelan Strategik 2021-2025 yang baharu ini, kita akan dapat memastikan penyampaian perkhidmatan dapat diberikan pada tahap yang tertinggi. Saya mengucapkan terima kasih di atas komitmen, kerjasama dan usaha semua warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dalam memastikan Pelan Strategik ini dapat direalisasikan bagi menjelaskan secara signifikan akan peranan dan hala tuju Pejabat Daerah dan Tanah Petaling di dalam Pembangunan Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.

**DATO' JOHARY BIN ANUAR, D.P.M.S.**  
PEGAWAI DAERAH PETALING

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam membentuk satu organisasi yang mantap, berkemahiran dan cekap bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam dan juga kepada Jabatan-Jabatan yang berkaitan, satu Pelan Strategik bagi tahun 2021-2025 telah dirancang. Perancangan yang jelas dapat membantu organisasi melaksanakan tindakan dan berusaha untuk mencapainya serta memudahkan pengurusan tertinggi membuat penilaian dan mengukur prestasi keseluruhan organisasi.

Pelan Strategik ini dibentuk berdasarkan fungsi dan peranan setiap Bahagian, kehendak pemegang taruh dan pelanggan serta analisa persekitaran dan cabaran. Pelan Strategik ini digubal secara kolektif dan berpasukan oleh semua bahagian yang terlibat berdasarkan pencapaian Pelan Strategik 2017-2020 yang lalu. Bagi merealisasikan visi dan misi yang telah ditetapkan, sebanyak tiga (3) Teras Strategik berserta Pelan Tindakan telah dibentuk melalui penerapan nilai-nilai yang dikongsi seluruh warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Petaling.

Bagi memastikan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling kekal relevan, Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Petaling akan dikemaskini setiap 5 tahun supaya ianya memenuhi keperluan dan dasar semasa. Usaha ini akan dapat membantu mempertingkatkan daya saing dan mewujudkan perkhidmatan awam yang dinamik dan berprestasi tinggi.

# SEJARAH DAN

# PENGENALAN



# LATAR BELAKANG DAERAH PETALING




29,030 HEKTAR



9,720 HEKTAR



16,180 HEKTAR




**KELUASAN**

**48,432 HEKTAR  
(119678.08 EKAR)**

**KEPADATAN PENDUDUK**

**2020  
2,190,700 ORANG**



3

**PBT**

MAJLIS BANADARAYA SHAH ALAM (MBSA)  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ) DAN  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ)

6

**PARLIMEN**

14 KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

4

**MUKIM**

SUNGAI BULOH I & II, PETALING I & II, DAMANSARA  
DAN BUKIT RAJA

26

**KAMPUNG**

19 KAMPUNG TRADISI  
7 KAMPUNG BARU / TERSUSUN,  
17 KETUA KOMUNITI INDIA

2

**DUN**

KOTA DAMANSARA DAN SUNGAI BULOH

5

**IPD**

IPD SUNGAI BULOH, IPD PETALING JAYA  
IPD SUBANG JAYA, IPD SERDANG DAN IPD SHAH ALAM

2

**ZON JBPM**

ZON PETALING DAN ZON SHAH ALAM

2

**PPD**

PPD PETALING UTAMA DAN PPD PETALING PERDANA

3

**CAWANGAN  
KEBAJIKAN  
MASYARAKAT**

PETALING, SHAH ALAM DAN SUBANG JAYA

# SEJARAH PENUBUHAN DAERAH PETALING



**FEBRUARI  
1974**

PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING TELAH DIWUJUDKAN SERENTAK DENGAN PENUBUHAN KUALA LUMPUR SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN. SEMASA AWAL PENUBUHANNYA, PUSAT PENTADBIRAN DAERAH PETALING ADALAH DI PETALING JAYA.

PENTADBIRAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING TELAH BERPINDAH KE SUBANG JAYA KERANA KEBAKARAN DI PEJABAT SEBELUMNYA.

**JULAI  
1991**


**APRIL  
2011**

PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING TELAH BERPINDAH KE KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN DAERAH PETALING, SEKSYEN U5, SHAH ALAM.

# SENARAI NAMA PEGAWAI DAERAH

YBRS. TUAN TAJUL RAHIM BIN ATOR	1/01/1975	5/04/1981
YBRS. TUAN RAHMAN BIN HAJI ALI	16/6/1981	1/03/1986
YBRS. TUAN HAJI IDRIS BIN DENAN	16/3/1986	1/11/1989
YBRS. TUAN HAJI HUSIN BIN SHAFIE	16/11/1989	1/11/1991
YBRS. TUAN MOHAMAD BIN MD YASIN	16/11/1991	1/11/1993
YBRS. TUAN AHMAD ZAIRI BIN BUROK	1/11/1993	16/6/1997
YBHG. DATO' HAJI EMRAN BIN HAJI KADIR	1/07/1997	3/08/2000
YBRS. TUAN HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS	16/8/2000	31/7/2002
YBRS. TUAN SRI ZOAL AZHA BIN YUSOF	1/08/2002	31/7/2004
YBRS. TUAN MAZALAN BIN MD NOOR	16/8/2004	1/04/2007
YBHG. DATO' ZULKEPLI BIN AHMAD	10/5/2007	2/12/2013
YBHG. DATO' HAJI MOHD MISRI BIN HAJI IDRIS	2/12/2013	16/11/2017
YBHG. DATIN PADUKA ROSLINAH BINTI MD JANI	15/1/2018	30/9/2019
YBHG. DATO' JOHARY BIN ANUAR	2/1/2020	KINI

# CARTA ORGANISASI



# FUNGSI DAN PERANAN



## BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH

### UNIT PELUPUSAN

MEMPROSES PERMOHONAN YANG MELIBATKAN URUSAN SEPERTI BERIKUT :

- PEMBERIMILIKAN TANAH
- LANJUT TEMPOH PAJAKAN TANAH
- HAKMILIK MUKTAMAD
- PEWARTAAN TANAH
- LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA
- PERMIT RUANG UDARA
- PERMIT BAHAN BATUAN
- HAK LALU LALANG

### UNIT PEMBANGUNAN TANAH

MEMPROSES PERMOHONAN YANG MELIBATKAN URUSAN SEPERTI BERIKUT :

- TUKAR KATEGORI KEGUNAAN TANAH SERTA MEMINDA SYARAT NYATA TANAH
- SERAH BALIK DAN BERIMILIK SEMULA TANAH
- PECAH SEMPADAN TANAH
- PECAH BAHAGIAN TANAH
- PENYATUAN TANAH
- SERAH SEBAHAGIAN TANAH
- SERAH KESELURUHAN TANAH
- HAKMILIK MUKTAMAD
- PENGAMBILAN TANAH

### UNIT TEKNIKAL DAN UNIT PENGUATKUASAAN

MELAKSANAKAN URUSAN SEPERTI BERIKUT :

- PENYEDIAAN LAPORAN SIASATAN TANAH
- SEMAKAN DAN PENJUALAN PELAN TANAH
- PENGUATKUASAAN PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN
- PENGUATKUASAAN PELANGGARAN SYARAT NYATA TANAH
- PENGUATKUASAAN PENGALIHAN BAHAN BATUAN

### UNIT PENDAFTARAN

MEMPROSES PERMOHONAN YANG MELIBATKAN URUSAN SEPERTI BERIKUT :

- PENDAFTARAN URUSNIAGA DAN BUKAN URUSNIAGA
- PERMOHONAN KEBENARAN PINDAHMILIK DAN GADAIAN
- PENDAFTARAN HAKMILIK SEMENTARA DAN HAKMILIK MUKTAMAD
- PERMOHONAN HAKMILIK HILANG/ HANCUR DAN PEMBETULAN
- PERMOHONAN PERINTAH JUALAN
- PENGELUARAN CARIAN RASMI, PERSENDIRIAN DAN SALINAN DIAKUI SAH

### UNIT HASIL

MEMPROSES PERMOHONAN YANG MELIBATKAN URUSAN SEPERTI BERIKUT :

- PENGURUSAN TERIMAAN HASIL
- PENYEDIAAN PENYATA DAN LAPORAN HASIL

# FUNGSI DAN PERANAN



## BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAERAH

### UNIT PEMBANGUNAN FIZIKAL

- MENYELARAS CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA (RMK)
- PENGURUSAN PERUNTUKAN DAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR ASAS DAN KEMUDAHAN AMENITI SOSIAL LUAR BANDAR
- PENGURUSAN PERUNTUKAN DAN PELAKSANAAN PROJEK KECIL DI KAWASAN PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
- MENGURUSETIAKAN MESYUARAT PEMBANGUNAN PERINGKAT DAERAH

### UNIT PEMBANGUNAN MASYARAKAT

- MENYELARAS PELANTIKAN, PENAMATAN DAN PENILAIAN PRESTASI KETUA KAMPUNG TRADISI/ BARU DAN KETUA KOMUNITI INDIA
- MENYELARAS PERUNTUKAN PENGURUSAN DAN KEMASYARAKATAN KAMPUNG TRADISI/ BARU DAN KETUA KOMUNITI INDIA
- MENYELARAS PERUNTUKAN AHLI PARLIMEN, AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI, AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI DEWAN NEGARA
- MENYELARAS PELAKSANAAN PROGRAM DI BAWAH JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN NEGERI
- MEWAR-WARKAN PROGRAM DAN INISIATIF YANG DIPERKENALKAN OLEH KERAJAAN NEGERI MELALUI KETUA KAMPUNG DAN KETUA KOMUNITI
- MENYELARAS PROGRAM-PROGRAM PEMBERDAYAAN DAN PENGUPAYAAN KOMUNITI
- MENGURUSETIAKAN MESYUARAT PEMBASMIAN KEMISKINAN PERINGKAT DAERAH

# FUNGSI DAN PERANAN



## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

### UNIT PENTADBIRAN DAN UNIT KEWANGAN

- MELAKSANAKAN PENGURUSAN PENTADBIRAN KEWANGAN
- MELAKSANAKAN PENGURUSAN PENTADBIRAN AM PEJABAT DAN URUSETIA MESYUARAT
- MELAKSANAKAN PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN ASET, STOR DAN BANGUNAN KERAJAAN, PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN
- MELAKSANAKAN PENGURUSAN ADUAN AWAM DAN KHIDMAT PELANGGAN
- MELAKSANAKAN PENTADBIRAN KESELAMATAN PEKERJA DAN DOKUMEN TERPERINGKAT
- MENYELARAS PENGURUSAN BENCANA PERINGKAT DAERAH.
- MENYELARAS PENGURUSAN KESELAMATAN PERINGKAT DAERAH.
- MENYELARAS PENGELUARAN LESEN EKSAIS

### UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

- MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KE ARAH MEREALISASIKAN PROGRAM KERAJAAN ELEKTRONIK
- MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PENGGUNAAN SISTEM, SERVER KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR TEKNOLOGI MAKLUMAT, PERKAKASAN, PERISIAN SISTEM KESELAMATAN DAN RANGKAIAN JABATAN
- MENGURUSKAN LAMAN WEB RASMI JABATAN
- MENYEDIAKAN LATIHAN BERKAITAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
- MELAKSANAKAN PENGURUSAN 'HELP DESK'

### UNIT PERKHIDMATAN

- MELAKSANAKAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN MODAL INSAN
- MELAKSANAKAN PENGURUSAN CUTI, REKOD PERIBADI, SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) DAN LAPORAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) MELALUI SISTEM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)

### UNIT MAJLIS DAN KERAJIAN

- MENYELARAS MAJLIS RASMI, PROGRAM SAMBUTAN, LAWATAN DAN KERAJIAN KERAJAAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN DI PERINGKAT DAERAH
- MENYELARAS PROGRAM AGAMA ISLAM DI PERINGKAT DAERAH
- MENYELARAS PENCALONAN ANUGERAH, BINTANG DAN DARJAH KEBESARAN NEGERI SELANGOR

# FUNGSI DAN PERANAN



## UNIT PERUNDANGAN

### UNIT PERUNDANGAN

- MENYEDIAKAN KHIDMAT NASIHAT HAL-HAL PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PROSEDUR BAGI URUSAN YANG MELIBATKAN TANAH, PENGURUSAN PERJANJIAN DAN KONTRAK
- MENYEDIAKAN PENYATAAN PEMBELAAN/ AFIDAVIT JAWAPAN BAGI PIHAK PENTADBIR TANAH DAERAH UNTUK KES - KES SIVIL DIFAILKAN DALAM TEMPOH MASA YANG SEWAJARNYA

# FUNGSI DAN PERANAN




## UNIT INTEGRITI

### UNIT INTEGRITI

- MELAKSANAKAN PEMBUDAYAAN PENGHAYATAN PELAKSANAAN INTEGRITI
- MENERIMA DAN MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS SEMUA ADUAN / MAKLUMAT MENGENAI SALAHLAKU JENAYAH SERTA PELANGGARAN TATAKELAKUAN DAN ETIKA ORGANISASI

# PUNCA KUASA

- ❖ PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
- ❖ KANUN TANAH NEGARA 1965
- ❖ KAEDAH TANAH SELANGOR
- ❖ AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
- ❖ AKTA AKUAN BERKANUN 1960
- ❖ AKTA HAKMILIK STRATA 1985
- ❖ AKTA PEMEGANG AMANAH 1949
- ❖ SURAT KUASA WAKIL ORDINAN (PA ORDINANCE 16/1949)
- ❖ AKTA TAFSIRAN 1948 & 1967 (AKTA 388)
- ❖ SMALL ESTATE (DISTRIBUTION) ACT 1955
- ❖ AKTA SYARIKAT 1965
- ❖ AKTA RAHSIA RASMI 1972
- ❖ AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1960
- ❖ AKTA DUTI SETEM 1949
- ❖ PEKELILING PERBENDARAAN
- ❖ ARAHAN PERBENDAHARAAN
- ❖ ARAHAN KESELAMATAN
- ❖ ARAHAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
- ❖ ENAKMEN REZAB MELAYU (SELANGOR)
- ❖ KEPUTUSAN-KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR
- ❖ PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) NEGERI SELANGOR TAHUN 1995
- ❖ PEKELILING, PERINTAH & ARAHAN DARIPADA PTGS DAN KETUA PENGARAH JKPTG
- ❖ PEKELILING PERKHIDMATAN AWAM
- ❖ PEKELILING/ SURAT ARAHAN PENTADBIRAN KETUA JABATAN DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
- ❖ PERINTAH AM
- ❖ TATACARA/ GARIS PANDUAN MAJLIS, KERAJIAN DAN PROTOKOL




# PEMEGAH TARUH


**DULI YANG MAHA MULIA  
SULTAN SELANGOR**



**YAB DATO' MENTERI BESAR**



**YB AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT KERAJAAN NEGERI**



**EX-OFFICIO (YB SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI, YB PENASIHAT  
UNDANG-UNDANG NEGERI & YB  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI)**



**AHLI DEWAN NEGERI**



# PELANGGAN PDTP

**RAKYAT**



**AGENSI SWASTA**



**AGENSI ANTARABANGSA**



**BADAN-BADAN  
BUKAN KERAJAAN**



**AGENSI KERAJAAN  
NEGERI/ PERSEKUTUAN**




# RAKAN STRATEGIK

AGENSI KERAJAAN/ JABATAN




AGENSI SWASTA

BADAN BERKANUN



ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

MEDIA





# HALA TUJU STRATEGIK

# VISI, MISI DAN MOTO

## VISI

MENJADIKAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING SEBAGAI PENERAJU DALAM TADBIR URUS PENGURUSAN DAERAH DI SELANGOR.

## MISI

MENGURUS, MENGAWAL DAN MENTADBIR SUMBER TANAH DAN PENTADBIRAN DAERAH BAGI MENCAPAI PEMBANGUNAN YANG SEIMBANG DARI SEGI EKONOMI, SOSIAL, INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN.

**MOTO**  
**“TERBAIK**  
**DARIPADA**  
**KAMI”**



## DASAR KUALITI

MEMBANGUNKAN DAERAH PETALING KE ARAH KECEMERLANGAN MELALUI KEPATUHAN TERHADAP UNDANG-UNDANG SERTA PENAMBAHBAIKAN YANG MENYELURUH SECARA BERTERUSAN. PDTP KOMITED UNTUK MEMASTIKAN KEHENDAK PIHAK BERKEPENTINGAN DIPENUHI MELALUI PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI YANG DISEMAK SECARA BERKALA BAGI MEMASTIKAN KEBERKESANAN SISTEM.

# NILAI-NILAI BERSAMA




## AKAUNTABILITI DAN BERINTEGRITI

BERETIKA TINGGI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS. BERKHIDMAT DENGAN PENUH KOMITEDAN DAN RASA TANGGUNGJAWAB TERHADAP KUALITI OUTPUT YANG DIHASILKAN BERASASKAN ETIKA KERJA CEMERLANG DAN TINGKAH LAKU BERAMANAH. MEMPUNYAI RASA TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI DI DALAM SEGALA TINDAKAN DAN KELAKUAN.



## PROFESIONALISME

BERSIKAP NEUTRAL, MENEKANKAN PEMBANGUNAN DAN PEMBELAJARAN BERTERUSAN DEMI MENINGKATKAN ILMU KEMAHIRAN SERTA KEMATANGAN SIKAP BAGI MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN DENGAN PENUH ILTIZAM DAN AKAUNTABILITI YANG TINGGI.



## PROAKTIF DAN RESPONSIF

BERKEBOLEHAN MEMBUAT JANGKAAN, PEKA TERHADAP PERUBAHAN HALA TUJU DAN PERSEKITARAN PADA MASA HADAPAN. BERTINDAK DENGAN PROAKTIF DAN RESPONSIF TERHADAP SEBARANG PERUBAHAN YANG BERLAKU BAGI MEMASTIKAN MATLAMAT JABATAN DICAPAI.



## SINERGI

BERKERJASAMA SEBAGAI SATU PASUKAN BAGI MEMBENTUK SEMANGAT KEKITAAN (*SENSE OF BELONGING*) UNTUK MENCAPAI VISI DAN MISI.



# TERAS STRATEGIK

## T1



**PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN  
TANAH YANG TELUS**

## T2



**PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN  
PROGRAM KEMASYARAKATAN YANG  
TERANCANG**

## T3



**PENGURUSAN TADBIR URUS ORGANISASI  
DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN  
YANG CEKAP**

# RINGKASAN TERAS STRATEGIK

## T1



**PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN  
TANAH YANG TELUS**

**MEMANTAPKAN PROSES URUSAN  
PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN  
TANAH**

**MENINGKATKAN KECEKAPAN  
TINDAKAN PENGUATKUASAAN**

**MENINGKATKAN KUTIPAN HASIL  
KERAJAAN NEGERI**

## T2



**PENGURUSAN  
PROJEK PEMBANGUNAN DAN  
PROGRAM KEMASYARAKATAN YANG  
TERANCANG**

**MENINGKATKAN KECEKAPAN  
TADBIR URUS  
PEMANTAUAN PROJEK PEMBANGUN  
AN DAN  
PROGRAM KEMASYARAKATAN**

**MENYELARAS PEMBANGUNAN INFRA  
STRUKTUR DAN KEMUDAHAN  
AWAM LUAR BANDAR**

**MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBI  
R URUS PENGURUSAN  
KAMPUNG TRADISI/ KAMPUNG  
BARU/ KETUA KOMUNITI INDIA**

## T3



**PENGURUSAN TADBIR URUS  
ORGANISASI DAN SISTEM  
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG  
CEKAP**

**MEMANTAPKAN KUALITI SISTEM  
PENGURUSAN PEJABAT**

**MENINGKATKAN PEMBUDAYAAN  
INOVASI DAN KREATIVITI  
PERKHIDMATAN SERTA PEMIKIRAN  
BERINOVATIF DAN MEMANTAPKAN  
MEMPERKASAKAN PEMBUDAYAAN  
DAN PENGURUSAN TEKNOLOGI  
MAKLUMAT (DIGITALISASI)**

**MENINGKATKAN PEMBANGUNAN  
MODAL INSAN DAN  
MEMPERKUKUHKAN NILAI ETIKA DAN  
INTEGRITI KAKITANGAN JABATAN**

**MEMANTAPKAN PENGURUSAN  
PELANGGAN DAN  
MEMPERTINGKATKAN IMEJ KORPORAT  
JABATAN**

# PELAN TINDAKAN

## TERAS STRATEGIK 1



### MEMPERKASAKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH

#### STRATEGI:

- S1 MEMANTAPKAN PROSES URUSAN PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN TANAH**
- S2 MENINGKATKAN KECEKAPAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN**
- S3 MENINGKATKAN KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI**

TERAS STRATEGIK 1

MEMPERKASAKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB	CATATAN (SUMBER)
S1: MEMANTAPKAN PROSES URUSAN PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN TANAH	MENGURUS PERMOHONAN PERIZABAN TANAH KERAJAAN	SURAT KEPUTUSAN DIKELUARKAN DALAM TEMPOH 6 BULAN.	90% KEPUTUSAN DALAM TEMPOH 6 BULAN.	2021 - 2025	UNIT LMS/ WARTA/ PENGAMBILAN TANAH	
	MENGURUS PERMOHONAN MELANJUTKAN TEMPOH PAJAKAN BAGI KATEGORI BANGUNAN KEDIAMAN	90% SURAT KEPUTUSAN DIKELUARKAN DALAM TEMPOH 6 BULAN.	90% KEPUTUSAN DALAM TEMPOH 6 BULAN.	2021 - 2025	UNIT PELUPUSAN	
	MENGURUSKAN PERMOHONAN PEMBANGUNAN TANAH	90% SURAT KEPUTUSAN DIKELUARKAN DALAM TEMPOH 6 BULAN.	90% KEPUTUSAN DALAM TEMPOH 6 BULAN.	2021 - 2025	UNIT PEMBANGUNAN TANAH	
	PELAKSANAAN SESI PERJUMPAAN DAN KHIDMAT RUNDING DENGAN <i>STAKEHOLDERS</i> BERKAITAN PERMOHONAN URUSAN PEMBANGUNAN TANAH DENGAN TEPAT.	PELAKSANAAN HARI BERTEMU PELANGGAN	{2 KALI SETAHUN}	2021 - 2025	UNIT PEMBANGUNAN TANAH	
	MEMANTAPKAN PEMATUHAN PROSEDUR URUSAN PENDAFTARAN	KEBENARAN PINDAHMILIK/ GADAIAN DIKELUARKAN DALAM TEMPOH 14 HARI BEKERJA	85% DIKELUARKAN DALAM TEMPOH 14 HARI BEKERJA	2021 - 2025	UNIT PINDAHMILIK	
		SELESAI PENDAFTARAN URUSNIAGA DALAM TEMPOH 24 JAM	SELESAI 95% PENDAFTARAN PINDAHMILIK DALAM TEMPOH 24 JAM SELESAI 85% PENDAFTARAN GADAIAN, PAJAKAN DAN PERINTAH JUALAN DI DALAM TEMPOH 24 JAM		UNIT PENDAFTARAN	

TERAS STRATEGIK 1

MEMPERKASAKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB	CATATAN (SUMBER)
S2 : MENINGKATKAN KECEKAPAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN	MELAKSANAKAN PENGUATKASAAN PELANGGARAN KEGUNAAN DAN SYARAT NYATA TANAH.	PENGELUARAN NOTIS 7A ATAU 7E.	100% KESALAHAN DIKELUARKAN NOTIS.	2021 - 2025	UNIT PENGUATKUASA & UNIT PEMBANGUNAN TANAH	
S3 : MENINGKATKAN KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI	PROGRAM TURUN PADANG (OPS KUTIP TUNGGAKAN CUKAI DAN VAN KAUNTER BERGERAK HASIL)	KUTIPAN CUKAI TANAH SEMASA.	JUMLAH KUTIPAN CUKAI TANAH MELEBIHI 85% BAGI TAHUN SEMASA.	2021 - 2025	UNIT HASIL	
	PENYELESAIAN HAKMILIK BERMASALAH	HAKMILIK BERMASALAH DIBUAT PEMBATALAN ATAU PENYELARASAN CUKAI DIBUAT	100% PEMBATALAN ATAU PENYELARASAN CUKAI DIBUAT SETELAH DOKUMEN SOKONGAN LENGKAP	2021 - 2025	UNIT HASIL	
	MENINGKATKAN KUTIPAN BUKAN CUKAI (PREMIUM)	JUMLAH KUTIPAN BAYARAN NOTIS 5A DAN NOTIS 7G.	100% JUMLAH KUTIPAN BAYARAN NOTIS 5A DAN NOTIS 7G BAGI TAHUN SEMASA.	2021 - 2025	UNIT PELUPUSAN DAN UNIT PEMBANGUNAN TANAH	UNJURAN PREMIUM TANAH TAHUN SEMASA

# PELAN TINDAKAN

## TERAS STRATEGIK 2



### PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN PROGRAM KEMASYARAKATAN YANG TERANCANG

#### STRATEGI:

- S1 MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS PEMANTAUAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN PROGRAM KEMASYARAKATAN
- S2 MENYELARAS PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM LUAR BANDAR
- S3 MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS PENGURUSAN KAMPUNG TRADISI/ KAMPUNG BARU/ KETUA KOMUNITI INDIA

BIL	STRATEGI	BILANGAN PROGRAM	INDIKATOR SASARAN
1	MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS PEMANTAUAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN PROGRAM KEMASYARAKATAN	3	4
2	MENYELARAS PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM LUAR BANDAR	3	3
3	MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS PENGURUSAN KAMPUNG TRADISI/ KAMPUNG BARU/ KETUA KOMUNITI INDIA	1	1
	JUMLAH	7	8

TERAS STRATEGIK 2

PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN PROGRAM KEMASYARAKATAN YANG TERANCANG

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB	CATATAN (SUMBER)
S1 : MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS PEMANTAUAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN PROGRAM KEMASYARAKATAN	(I) PEMANTAUAN PELAKSANAAN DAN IMPAK PROJEK PEMBANGUNAN DAN PROGRAM BASMI KEMISKINAN	(I) MESYUARAT PEMBANGUNAN DAERAH  (II) MESYUARAT PEMBASMIAN KEMISKINAN DAERAH	12 KALI  6 KALI	2021-2025	BAHAGIAN PEMBANGUNAN	PELAPORAN STATUS PELAKSANAAN PROGRAM/ PROJEK OLEH AGENSI PELAKSANA
	(II) PEMANTAUAN PROGRAM BANTUAN PEMBASMIAN KEMISKINAN	PENILAIAN KEMAJUAN PENERIMA BANTUAN PROGRAM STANCO	1 LAPORAN SETIAP PROGRAM	2021-2025	BAHAGIAN PEMBANGUNAN	TERMA RUJUKAN PROGRAM BANTUAN KEUSAHAWANAN
	(III) PEMANTAUAN PERUNTUKAN KEMASYARAKATAN	PERAKUAN TUNTUTAN MEMATUHI ARAHAN DAN PERATURAN KEWANGAN YANG BERKUATKUASA	100%	2021-2025	BAHAGIAN PEMBANGUNAN	PEKELILING/ ARAHAN PERBENDAHARAAN

TERAS STRATEGIK 2

PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN PROGRAM KEMASYARAKATAN YANG TERANCANG

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB	CATATAN (SUMBER)
S2 : MENYELARAS PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM LUAR BANDAR	(I) PELAKSANAAN PROJEK NAIK TARAF/ PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM	PELAKSANAAN PROJEK YANG DILULUSKAN OLEH PIHAK BERKUASA MELULUS (PBM)	90%	2021-2025	BAHAGIAN PEMBANGUNAN	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN NEGERI/ PERSEKUTUAN
	(II) PENYELARASAN PENYELENGGARAAN DAN NAIKTARAF INFRASTRUKTUR AWAM LUAR BANDAR BERSAMA PIHAK- PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	PENYERAHAN INFRASTRUKTUR FIZIKAL (JALAN, PERPARITAN DAN AKSESORI JALAN) KEPADA PBT	100%	2021-2025	BAHAGIAN PEMBANGUNAN	KEPUTUSAN MMKN SELANGOR
	(III) PENYELARASAN PELAKSANAAN PROGRAM/ PROJEK FIZIKAL DAN KEMASYARAKATANBER SAMA AGENSI PERSEKUTUAN	LAPORAN PELAKSANAAN PROJEK DALAM MESYUARAT UTAMA PERINGKAT DAERAH	2 KALI	2021-2025	BAHAGIAN PEMBANGUNAN	MINIT MESYUARAT PEMBANGUNAN DAERAH  MINIT MESYUARAT PEMBASMIAN KEMISKINAN DAERAH
S3 : MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS PENGURUSAN KAMPUNG TRADISI/ KAMPUNG BARU/ KETUA KOMUNITI INDIA	PEMANTAUAN PRESTASI TADBIR URUS ORGANISASI PENGURUSAN KAMPUNG DAN KKI	LAPORAN PRESTASI BERDASARKAN GAR IS PANDUAN SEMASA	1 LAPORAN	2021-2025	BAHAGIAN PEMBANGUNAN	KEPUTUSAN JAWATANKUASA TETAP KAMPUNG TRADISI

# PELAN TINDAKAN

## TERAS STRATEGIK 3



### PENGURUSAN DAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

#### STRATEGI:

- S1 MEMANTAPKAN KUALITI SISTEM PENGURUSAN PEJABAT**
- S2 MENINGKATKAN PEMBUDAYAAN INOVASI DAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (DIGITALISASI)**
- S3 MENINGKATKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN MEMPERKUKUHKAN NILAI ETIKA DAN INTEGRITI KAKITANGAN JABATAN**
- S4 MEMANTAPKAN PENGURUSAN PELANGGAN DAN MEMPERTINGKATKAN IMEJ KORPORAT JABATAN**

TERAS STRATEGIK 3

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI SERTA MENINGKATKAN KUALITI DAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB	CATATAN (SUMBER)
S1: MEMANTAPKAN KUALITI SISTEM PENGURUSAN PEJABAT	MELAKSANAKAN PROGRAM PENGURUSAN KUALITI JABATAN	PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015	MEMPEROLEHI PENSIJILAN MS ISO 9001:2015	2021 - 2025	UNIT PENTADBIRAN	
		PENSIJILAN BAHARU EKSA	MEMPEROLEHI PENSIJILAN EKSA			
	MEMANTAPKAN PENGURUSAN REKOD JABATAN	MELAKSANAKAN PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD (PTBR)	MELAKSANAKAN 2 PROGRAM/ AKTIVITI PENCEGAHAN BENCANA REKOD	2021 - 2025	UNIT PENTADBIRAN	
			MELAKSANAKAN PENYELENGGARAAN PERALATAN YANG BERKAITAN 2 KALI SETAHUN	2021 - 2025		
S2: MENINGKATKAN PEMBUDAYAAN INOVASI DANTEKNOLOGI MAKLUMAT	MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN DAN PEMBUDAYAAN INOVASI	PENYERTAAN INOVASI PERINGKAT JABATAN	(1) PENYERTAAN DALAM PERTANDINGAN INOVASI PERINGKAT NEGERI	2021 - 2025	UNIT PENTADBIRAN	
	MENDIGITALISASI PROSES KERJA DAN MENYEDIAKAN PROGRAM LATIHAN DALAM PELBAGAI BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT	PENINGKATAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI SISTEM ATAS TALIAN	SEKURANG- KURANGNYA DUA (2) PROGRAM LATIHAN DAN SATU (1) DIGITALISASI PROSES KERJA DILAKSANAKAN SETAHUN	2021 - 2025	UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT	

**TERAS STRATEGIK 3**

**MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI SERTA MENINGKATKAN KUALITI DAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB	CATATAN (SUMBER)
S3 : MENINGKATKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN PENGUKUHAN NILAI ETIKA	MERANCANG, MELAKSANAKAN SERTA MENYEDIAKAN PROGRAM/ LATIHAN BAGI MENINGKATKAN KEPAKARAN DALAM PELBAGAI BIDANG	PELAKSANAAN PELAN OPERASI LATIHAN	100% PELAKSANAAN PROGRAM	2021 - 2025	UNIT PERKHIDMATAN	
	PENERAPAN NILAI-NILAI INTEGRITI MELALUI SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH (ABMS) ISO 37001:2016	PENSIJILAN (ABMS) ISO 37001:2016	MEMPEROLEHI PENSIJILAN (ABMS) ISO 37001:2016	2021 - 2025	UNIT INTEGRITI	
	PEMANTAPAN TADBIR URUS PENTADBIRAN AWAM	MENCAPAI TIDAK KURANG DARI 80% INDEKS NILAI KOMPOSIT AUDIT NILAI	MENCAPAI TIDAK KURANG DARI 80% INDEKS NILAI KOMPOSIT AUDIT NILAI	2021 - 2025	UNIT SUMBER MANUSIA	

TERAS STRATEGIK 3

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI SERTA MENINGKATKAN KUALITI DAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB	CATATAN (SUMBER)
S4 : MEMANTAPKAN PENGURUSAN PELANGGAN DAN IMEJ KORPORAT JABATAN	PRESTASI PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN	PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN	85% (BERDASARKAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN YANG DITETAPKAN)	2021 - 2025	UNIT PENTADBIRAN	
	MELAKSANAKAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN	PENCAPAIAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN	KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN BERADA PADA TAHAP 80% DAN KE ATAS	2021 - 2025		
	MEMANTAU SERTA MEMBERI MAKLUMBALAS TERHADAP ADUAN YANG DITERIMA MELALUI SISPA DAN MEDIUM YANG LAIN	MEMBERIKAN MAKLUMBALAS TERHADAP ADUAN YANG DITERIMA DALAM TEMPOH 14 HARI	100% ADUAN YANG DITERIMA DIBERI MAKLUMBALAS DALAM TEMPOH 14 HARI	2021 - 2025	UNIT MAJLIS DAN KERAIAN	
	PROMOSI AKTIVITI DAN INFORMASI MELALUI MEDIA SOSIAL	HEBAHAN BERKALA	PENINGKATAN <i>FOLLOWERS</i> SEBANYAK 10% SETIAP TAHUN	2021 - 2025	UNIT MAJLIS DAN KERAIAN DAN UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT	

# PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN ELEMEN PENENTU KEJAYAAN



# ELEMEN PENENTU KEJAYAAN



## PENGURUSAN

PENGURUSAN ORGANISASI YANG BAIK MERUPAKAN ASAS DALAM MENENTUKAN KEJAYAAN HALA TUJU SESUATU JABATAN. DALAM HAL INI, AMALAN BAIK YANG AKAN DIPRAKTIKKAN SEPERTI EKSA, ISO, KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (KIK) AKAN DIJADIKAN BUDAYA KERJA YANG LESTARI DALAM PELAKSANAAN TUGAS HARIAN KAKITANGAN.

## KEPIMPINAN (DISEMAK SEMULA)

BUDAYA KERJA PASIF BERUPAYA MERUNTUHKAN MOTIVASI DALAM SESEBUAH ORGANISASI. OLEH ITU, SETIAP WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING PERLU MEMPUNYAI SIKAP PROAKTIF DAN BERSIFAT KEHADAPAN (*TAKE CHARGE*) DALAM TUGAS YANG DIAMANAHKAN. WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING PERLU MELAKUKAN ANJAKAN PARADIGMA DAN MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENGHASILKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI UNTUK KEPENTINGAN PELANGGAN. BUDAYA KERJA BERPASUKAN PERLU DITERAPKAN BERDASARKAN KEPADA KONSEP SALING MELENGKAPI BAGI MENJAMIN KEHARMONIAN ORGANISASI.



## INOVASI (DISEMAK SEMULA)

SISTEM MAKLUMAT DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI HENDAKLAH SELARAS SEPENUHNYA BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN DATA DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING. KERJASAMA STRATEGIK DALAM PERKONGSIAN MAKLUMAT ANTARA AGENSI KERAJAAN PERLU DIPERGIATKAN LAGI DALAM MEMBANTU KEPUTUSAN DIBUAT SECARA MENYELURUH DAN TEPAT BERDASARKAN DIMENSI YANG LUAS. PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN MELALUI NILAI TAMBAH (*VALUE ADDED*) DAN NILAI CIPTA (*VALUE CREATION*) PERLU MENJADI RAMUAN PENTING UNTUK MEMASTIKAN KESINAMBUNGAN PEJABAT DAERAH TANAH PETALING SEBAGAI SATU ORGANISASI YANG BERINOVASI DAN RELEVAN DALAM MENGHARUNGI MASA DEPAN YANG KIAN MENCABAR.

## PELAN KOMUNIKASI

SATU KEPERLUAN UNTUK MEMBANGUNKAN SATU PELAN KOMUNIKASI YANG KOMPREHENSIF DAN BERKESAN BAGI MEMASTIKAN PENYEBARAN MAKLUMAT YANG TEPAT DALAM DUNIA TANPA SEMPADAN. IA PENTING BAGI MEMASTIKAN KEBERKESANAN PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN DASAR, PROGRAM SERTA MAJLIS RASMI KERAJAAN. PELAN MEDIA JUGA MERUPAKAN SATU JENTERA UNTUK MENGUKUHKAN HUBUNGAN ANTARA JABATAN DENGAN ORANG AWAM SERTA MEDIA MELALUI STRATEGI PENYAMPAIAN MAKLUMAT PERKHIDMATAN YANG BERKESAN DEMI MENCAPAI OBJEKTIF JABATAN SECARA KESELURUHAN.



## TADBIR URUS

SEBAGAI SEBUAH AGENSI KERAJAAN, TADBIR URUS YANG BAIK ADALAH SATU AMANAH YANG PERLU DILAKSANAKAN. SEHUBUNGAN ITU, PEMATUHAN KEPADA PROSEDUR DAN PERATURAN PERLU DIJADIKAN SEBAGAI KEUTAMAAN BAGI MEMASTIKAN SEMUA PROSES KERJA YANG DIJALANKAN MEMATUHI KEHENDAK AUDIT.

# MEKANISME PEMANTAUAN PELAKSANAAN DAN PENGUKURAN PRESTASI



PELAN STRATEGIK PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING 2021-2025 INI MERUPAKAN RUJUKAN JABATAN BAGI MENCAPAI MISI DAN VISI YANG TELAH DITETAPKAN. PELAKSANAAN STRATEGI DAN PROGRAM YANG TELAH DIRANCANG MEMERLUKAN PEMANTAUAN YANG TERPERINCI. KAJIAN PENAMBAHBAIKAN AKAN DILAKSANAKAN DARI MASA KE SEMASA UNTUK MEMASTIKAN KEBERKESANANNYA SELARAS DENGAN ARUS PERUBAHAN.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING AKAN MEMAKLUMKAN PELAN PENGURUSAN STRATEGIK MELALUI LAMAN WEB SECARA BERKALA, SEMINAR DAN JUGA MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN.

SELAIN ITU, PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING AKAN MEMASTIKAN SETIAP BAHAGIAN MEMBANGUNKAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) BAHAGIAN SEJAJAR DENGAN PELAN STRATEGIK JABATAN SEBAGAI PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM BAHAGIAN-BAHAGIAN.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING AKAN MELAKSANAKAN PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN SECARA BERKALA IAITU SEKURANG-KURANGNYA 6 BULAN SEKALI IAITU BENGKEL PELAN STRATEGIK DAN SESI SEMAKAN SEMULA PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK.

LAPORAN PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI AKAN DIKEMUKAKAN DAN DIBINCANGKAN DI DALAM MESYUARAT PENGURUSAN JABATAN DAN MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) YANG AKAN DIPENGERUSIKAN OLEH PEGAWAI DAERAH.

PELAKSANAAN PENGUKURAN PRESTASI	TEMPOH
MESYUARAT PEMANTAUAN PELAN STRATEGIK	SETIAP 6 BULAN
PENILAIAN PENCAPAIAN	SETIAP 1 TAHUN
PENILAIAN KEBERKESANAN DAN KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK	SETIAP 2 TAHUN

# PENILAIAN DAN SEMAKAN SEMULA



**2021**

**KAJIAN KEBERKESANAN  
TAHUN 1**

**AUDIT PEMANTAUAN  
MS ISO 9001:2015  
TAHUN PERTAMA**

**PENSIJILAN ABMS**

**2022**

**2023**

**AUDIT PEMANTAUAN MS  
ISO 9001:2015 TAHUN  
KEDUA**

**AUDIT PEMANTAUAN  
ABMS TAHUN PERTAMA**

**2024**

**KAJIAN KEBERKESANAN  
TAHUN 2**

**PENSIJILAN SEMULA MS  
ISO 9001:2015**

**AUDIT PEMANTAUAN  
ABMS TAHUN KEDUA**

**2025**

**PENYEDIAAN PELAN  
STRATEGIK TAHUN  
2026 - 2031**

KAJIAN KEBERKESANAN AKAN DILAKSANAKAN SEKALI DALAM TEMPOH 2 TAHUN UNTUK MENGENAL PASTI KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM UTAMA KE ATAS PROSES KERJA BARU (BPR) DAN STRUKTUR ORGANISASI. PELAN STRATEGIK MERUPAKAN OBJEKTIF KUALITI PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING TELAH DIBERI PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015 PADA TAHUN 2021. AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015 TELAH DILAKSANAKAN OLEH SIRIM QAS PADA TAHUN 2021 DAN 2024.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING JUGA DALAM USAHA UNTUK MEMPEROLEHI SIJIL ABMS. KOMITMEN PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING DALAM MENJAYAKAN SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH (ABMS) ISO 37001:2016 ADALAH UNTUK MENCEGAH RASUAH DAN MEMASTIKAN BAHAWA ORANG YANG BERTINDAK BAGI PIHAK PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING JUGA MEMATUHI DASAR ANTI-RASUAH YANG DITETAPKAN OLEH PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING.

SELAIN ITU, PENGLIBATAN PIHAK KETIGA SEPERTI KONSULTAN, PEMBEKAL ATAU RAKAN KONGSI SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN TERLIBAT DALAM PEMATUHAN DASAR ANTI-RASUAH YANG DIWUJUDKAN DENGAN MEMBERIKAN KOMITMEN MEREKA MELALUI PEMATUHAN SEMUA PERATURAN YANG DITETAPKAN OLEH PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING.

# PENUTUP

**PELAN STRATEGIK PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING MENGGARISKAN STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN YANG PERLU DILAKSANA DALAM TEMPOH 2021-2025 BAGI MENCAPAI VISI, MISI DAN OBJEKTIF YANG TELAH DITETAPKAN. IA MEMBERI TUMPUAN DAN PENEKANAN KEPADA TIGA (3) TERAS STRATEGIK SEBAGAI PANDUAN BAGI MEMASTIKAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING DAPAT MELAKSANAKAN FUNGSI SECARA CEKAP DAN BERKESAN.**

**KEJAYAAN PELAN INI BERGANTUNG KEPADA ILTIZAM SETIAP WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING DALAM MELAKSANAKAN PELAN TINDAKAN YANG TELAH DIRANGKA. INI BAGI MEMASTIKAN JABATAN INI SENTIASA RELEVAN DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK SERTA DIHARAPKAN DAPAT MENJAMIN KELANCARAN DAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI SERTA DALAM MASA YANG SAMA MEMENUHI TUNTUTAN DAN EKSPEKTASI RAKYAT.**



# CATATAN





**PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING,  
KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN DAERAH PETALING,  
NO 1, PERSIARAN ATMOSFERA SEKSYEN U5,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

Telefon: 03-7841 9400

E-mel: [petaling@selangor.gov.my](mailto:petaling@selangor.gov.my)

Web : <http://www2.selangor.gov.my/petaling.php>

Facebook:Pejabat Daerah/Tanah Petaling